

SOALAN 31 HINGGA 50 (BETUL / SALAH)

BETUL	A	SALAH	B
-------	---	-------	---

BIL	SOALAN	JAWAPAN
31	Sunat untuk mandi sebelum pergi menunaikan Solat Jumaat di Masjid.	
32	Sunat berhias dengan memakai pakaian yang sebaik-baiknya.	
33	Sebaik-baik pakaian yang sunat dipakai semasa Solat Jumaat ialah warna merah.	
34	Musafir juga diwajibkan untuk menunaikan Solat Jumaat.	
35	Wanita digalakkan menunaikan solat berjemaah di rumah.	
36	Orang tua yang sihat diharuskan untuk tidak solat berjemaah di masjid.	
37	Tu'maninah bermaksud berhenti seketika.	
38	Hukum menggantikan solat bagi orang yang tertinggal solatnya kerana tertidur adalah wajib.	
39	Jumlah surah Al-Fatihah yang wajib dibaca dalam 5 waktu Solat Fardu ialah sebanyak 18 kali.	
40	Sujud Sajadah sunat dilakukan ketika membaca atau mendengar bacaan ayat-ayat sajadah di dalam Al-Quran.	
41	Antara adab-adab perempuan dalam solat ialah merapatkan kedua belah kaki ketika berdiri lurus.	
42	Membaca Surah Al-Fatihah di dalam solat merupakan Rukun Qauli (Perkataan).	

43	Jika seseorang tidak mampu solat secara berdiri, diharuskan untuk beliau solat secara duduk.	
44	Diharuskan bercakap-cakap di dalam solat, asalkan percakapan itu adalah percakapan yang baik.	
45	Bercekak pinggang dalam solat adalah salah satu perkara yang makruh dilakukan.	
46	Semua perkara yang membatalkan wuduk merupakan perkara yang membatalkan solat.	
47	Hukum Solat Jumaat bagi kanak-kanak ialah wajib.	
48	Hukum membaca doa selepas azan ialah wajib.	
49	Tidak disunatkan untuk melafazkan Azan dan Iqamat sebelum menunaikan solat sunat.	
50	Kadar rukuk ialah lebih kurang 90 darjah.	

JAWAB **SEMUA** SOALAN
(40 MARKAH)

SOALAN 1

1 Berikan **tiga (3)** Rukun Solat

1. _____

2. _____

3. _____

(3 markah)

2 Tuliskan **tiga (3)** perkara makruh dilakukan dalam Solat.

1. _____

2. _____

3. _____

(3 markah)

3 Nyatakan dua (2) perkara yang boleh membatalkan Solat niat Solat Fardu

1. _____

2. _____

(4 markah)

SOALAN 2

- 1 Berikan contoh wirid atau zikir yang boleh dibaca selepas solat.

_____ (2 markah)

- 2 Apakah yang dimaksudkan dengan Makmum Masbuk?

_____ (2 markah)

- 3 Nyatakan **tiga (3)** perkara yang sunat dilakukan pada hari Jumaat.

1. _____

2. _____

3. _____

(6 markah)

SOALAN 3

- 1 Nyatakan **empat (3)** sunat ab'adh

1. _____

2. _____

3. _____

(6 markah)

- 2 Nyatakan **empat (4)** syarat wajib Jumaat.

1. _____

2. _____

(2 markah)

- 3 Apakah hukum meninggalkan solat disebabkan terlupa atau tertidur?

(2 markah)

SOALAN 4

- 1 Nyatakan **dua (2)** adab bagi lelaki dalam Solat.

1. _____

2. _____

(2 markah)

- 2 Nyatakan **tiga (3)** adab bagi perempuan dalam Solat.

1. _____

2. _____

3. _____

(6 markah)

- 3 Nyatakan waktu yang dilarang Solat.

(2 markah)

SOALAN TAMAT